

**PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

UTHM.PB/100-6/4/1(13)

15 Disember 2008

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 /2008

Semua Pengurus Bahagian

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Assalamualaikum,

Y.Bhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan

TAKWIM PEROLEHAN UNIVERSITI BAGI TAHUN 2009

1.0 TUJUAN

Tujuan pekeling ini adalah untuk menjelaskan kepada semua Pengurus Bahagian mengenai takwim perolehan Universiti bagi tahun 2009 yang perlu dipatuhi oleh semua Pusat Tanggungjawab.

2.0 LATARBELAKANG

2.1 Bagi tahun 2008, prestasi perbelanjaan Universiti termasuk tanggungan tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian. Ini menyebabkan Universiti menghadapi kesukaran dari segi penyaluran geran tunai kerana ianya disalurkan berdasarkan prestasi perbelanjaan Universiti.

2.2 Selain itu, peruntukan yang diagihkan kepada Pusat Tanggungjawab juga lewat dibuat perolehan. Akibatnya bekalan/perkhidmatan/kerja tidak dapat dibekalkan/disempurnakan dan dibayar dalam tahun yang sama dan terpaksa dibawa ke tahun berikutnya.

2.3 Terdapat juga Pusat Tanggungjawab yang mengembalikan semula peruntukan yang telah diagih pada akhir tahun kerana tidak sempat diproses. Ianya juga merugikan Universiti kerana peruntukan ini tidak dapat diagih kepada Pusat Tanggungjawab lain disebabkan kesuntukan masa untuk proses perolehan.

2.4 Susulan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun Universiti Bil. 4/2008 telah meluluskan takwim perolehan Universiti bagi tahun 2009 yang perlu dipatuhi oleh semua Pusat Tanggungjawab.

3.0 PROSES PEROLEHAN TAHUN 2009

3.1 TAKWIM PEROLEHAN TAHUN 2009

3.1.1 Bagi memastikan prestasi perbelanjaan Universiti bagi tahun 2009 mencapai atau melebihi sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian dan masalah-masalah seperti di para 2.0 tidak berulang, Universiti telah meluluskan takwim perolehan yang perlu dipatuhi oleh semua Pusat Tanggungjawab seperti berikut :-

Bil	Kaedah Perolehan	Takwim
1.	Perolehan Secara Tender	Sila rujuk Lampiran 1
2.	Perolehan Secara Sebutharga atau Rundingan Terus	Sila Rujuk Lampiran 2

3.1.2 Kaedah dan tatacara perolehan adalah tertakluk kepada Pekeliling dan Surat Pekeliling yang sedang berkuatkuasa.

3.2 PERUNTUKAN TAMBAHAN BAGI PEROLEHAN ASET DAN INVENTORI

3.2.1 Peruntukan tambahan bagi perolehan aset dan inventori akan hanya dipertimbangkan sekiranya Pusat Tanggungjawab telah melaksanakan proses perolehan sehingga peringkat berikut bagi peruntukan yang diagihkan pada awal tahun :-

- i. Telah diiklankan bagi perolehan secara tender
- ii. Telah diluluskan dalam Jawatankuasa Penilaian Sebutharga PTJ bagi perolehan secara sebutharga

3.2.2 Peruntukan tambahan bagi perolehan aset dan inventori juga hanya akan dipertimbangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Akaun Universiti **Suku Pertama** yang akan diadakan pada bulan April 2009.

3.2.3 Keutamaan peruntukan tambahan bagi perolehan aset dan inventori adalah berdasarkan kriteria berikut :-

- i. Spesifikasi teknikal telah disediakan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal PTJ
- ii. Kelulusan MITI telah diperolehi bagi barangan import
- iii. Program baru telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi

4.0 KUATKUASA PEKELILING

Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Kerjasama daripada pihak Y. Bhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkan perkara ini kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

'DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA'



HJ. ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari

☎: samb. 7050

- s.k
- Y.Bhg. Dato' Naib Canselor
 - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Ketua Unit Audit Dalam

LAMPIRAN 1**PROSES KERJA PEROLEHAN SECARA TENDER**

BIL.	JENIS AKTIVITI	TARIKH AKHIR	TANGGUNGJAWAB
1.	Penyediaan Spesifikasi Tender & Kelulusan Jawatankuasa Teknikal PTJ	31 DISEMBER 2008	SEMUA PTJ
2.	Kelulusan Jawatankuasa Teknikal Tender Universiti Dan Penyediaan Dokumen Tender	31 JANUARI 2009	PEJABAT BENDAHARI
3.	Iklan Tender	28 FEBRUARI 2009	PEJABAT BENDAHARI
4.	Semakan Ke Atas Tawaran Tender:- - Penilaian Tawaran Teknikal	MAC- APRIL 2009	SEMUA PTJ
5.	Semakan Ke Atas Tawaran Tender:- - Penilaian Tawaran Kewangan	MAC - APRIL 2009	PEJABAT BENDAHARI
6.	Pertimbangan Lembaga Perolehan Universiti 'A' atau 'B'	MAC – MEI 2009	PEJABAT BENDAHARI
7.	Pengeluaran Kontrak/Inden/ Pesanan Tempatan	MAC – JUN 2009	PEJABAT BENDAHARI <u>ATAU</u> PPH
8.	Pemantauan Pembekalan Barang/Kerja/Perkhidmatan	APRIL – OKTOBER 2009	PEJABAT BENDAHARI <u>DAN</u> SEMUA PTJ

LAMPIRAN 2

PROSES KERJA PEROLEHAN SECARA SEBUTHARGA

BIL.	JENIS AKTIVITI	TARIKH AKHIR	TANGGUNGJAWAB
1.	Penyediaan Spesifikasi Sebutharga Dan Kelulusan Jawatankuasa Teknikal PTJ	31 JANUARI 2009	SEMUA PTJ
2.	Iklan Sebutharga	FEBRUARI – MAC 2009	SEMUA PTJ
3.	Kelulusan Jawatankuasa Penilaian Sebutharga PTJ	FEBRUARI - APRIL 2009	SEMUA PTJ
4.	Kelulusan Jawatankuasa Sebutharga Universiti	FEBRUARI - MEI 2009	PEJABAT BENDAHARI
5.	Pengeluaran Kontrak/Inden/ Pesanan Tempatan	FEBRUARI – JUN 2009	PEJABAT BENDAHARI <u>ATAU</u> PTJ
6.	Pemantauan Pembekalan Barang/Kerja/Perkhidmatan	MAC – OKTOBER 2009	PEJABAT BENDAHARI <u>DAN</u> SEMUA PTJ